



**TEKS UCAPAN GULUNG PENANGGUHAN  
YAB DATUK SERI UTAMA AB RAUF BIN YUSOH  
KETUA MENTERI MELAKA**

**SEMPENA  
PERSIDANGAN KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA YANG  
KELIMA BELAS**

**TARIKH: 11 JULAI 2024 (KHAMIS)  
DI DEWAN UNDANGAN NEGERI, AYER KEROH,  
MELAKA.**

---

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

**ALHAMDULILLAHI RABBIL 'ALAMIN,  
WASSOLAATU WASSALAAMU 'ALA ASYRAFIL  
AMBIYAAI WAL MURSALIIN, WA'ALA AALIHI WA  
SOHBIHI AJMA'IIN.**

**ALLAHUMMA SOLLI A'LA SAYYIDINA  
MUHAMMAD, WA'ALA ALI SAYYIDINA  
MUHAMMAD.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya,  
Rakyat Bahagia, Menggomit Dunia, Bijak  
Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat dan Salam  
Malaysia MADANI.**

**Yang Berhormat Datuk Wira Ibrahim Durum,  
Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka;**

**Yang Berhormat Dato' Azhar bin Haji Arshad,  
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;**

**Yang Berhormat Dr Mohd Yadzil Bin Yaakub,  
Ketua Pembangkang Merangkap Ahli Dewan  
Undangan Negeri Bagi Kawasan Bemban;**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat  
Kerajaan Negeri;**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan  
Negeri;**

**Seterusnya, tuan-tuan dan puan-puan, serta  
saudara dan saudari yang saya hormati sekalian.**

**A – MUKADIMAH**

1. Alhamdulillah, hari ini, Khamis, 11 hari bulan Julai 2024, bersamaan 5 Muharram 1446 Hijriyah, saya bangun sekali lagi dalam dewan yang mulia ini, untuk **sesi gulung penangguhan**, sempena **Persidangan Kedua, Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Melaka Yang Kelima Belas.**

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker, dan  
Ahli-ahli Yang Berhormat,**

2. Sebelum saya menggulung sesi penangguhan pada hari ini, marilah sama-sama kita mengenang kembali detik pemergian **Allahyarham Datuk Wira Zaidi bin Johari, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka ke-29.** Sama-sama kita doakan semoga rohnya dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan mereka yang soleh. Al-Fatihah...
3. Mewakili seluruh kepimpinan Kerajaan Negeri Melaka, saya berbesar hati mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan Salamat datang kepada **YB Dato' Azhar bin Haji Arshad** di atas pelantikan beliau sebagai **Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka ke-30** pada **24 Jun 2024** yang lalu.
4. Kepada YB Dato', selamat berkhidmat menabur bakti kepada rakyat dan negeri Melaka. Semoga kita dapat bekerjasama membangunkan negeri ini menjadi sebuah negeri yang Lestari, maju dan Makmur sejahtera.

5. Pada kesempatan ini juga, saya bersama seluruh kepimpinan kerajaan dan rakyat negeri Melaka merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas lanjutan perkhidmatan **Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam sebagai Yang Di-Pertua Negeri Melaka bagi Penggal Ke-2 baru-baru ini.**
6. Saya, para pemimpin negeri dan rakyat Melaka sentiasa berdoa, semoga Tuan Yang Terutama Tun serta Yang Amat Berbahagia Toh Puan sentiasa dikurniakan kesihatan yang berpanjangan oleh Allah SWT.
7. Seterusnya, Kerajaan Negeri dan seluruh rakyat negeri Melaka menjunjung kasih **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim** di atas kesudian mencemar duli mengadakan lawatan rasmi ke negeri Melaka pada bulan Jun yang lalu.

8. Sempena lawatan tersebut, Seri Paduka Baginda turut berkenan mencemar duli ke **Majlis Pemasyhuran Masjid Sultan Ibrahim di Tanjung Bidara, Majlis Jamuan Teh di Dataran Pengkalan Rama** serta **bertemu rakyat dan pelancong di perkarangan Stadhuys, Banda Hilir**. Menjunjung setinggi-tinggi kasih, dimadahkan dalam serangkap pantun.

**POHON SIRIH POHON SELASIH,  
TUMBUH MERIMBUN DI HUJUNG LAMAN,  
KALUNGAN BUDI JUNJUNGAN KASIH,  
MENJADI KENANGAN SEPANJANG ZAMAN.**

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker, dan  
Ahli-ahli Yang Berhormat,**

9. Persidangan Dewan Undangan Negeri ini, merupakan wadah terbaik bagi Ahli-ahli Yang Berhormat menzahirkan hujah dan buah fikiran masing-masing dalam membawa isu-isu serta perihal denyut nadi yang amat dekat di hati rakyat.

10. Pagi tadi kita sudah pun mendengar ucapan penangguhan daripada **6 Ahli-ahli Yang Berhormat** iaitu;

- **YB Sungai Udang:** menyentuh tentang Rakyat dan Negeri Melaka Mesti diutamakan
- **YB Banda Hilir:** Kota Melaka Bersejarah
- **YB Kuala Linggi:** Dun Kuala Linggi Hub Ekonomi, Pelancongan dan Pendidikan Negeri Melaka
- **YB Pantai Kundor:** Hala Tuju Pembangunan dan Pendidikan Menjamin Masa Depan Masyarakat Madani
- **YB Klebang:** Kebersamaan; dan
- **YB Serkam:** Tahun Melawat Melaka 2024: Isu dan Cabaran

11. Seterusnya, disusuli pula oleh beberapa **YB AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI** yang telah menjawab bagi pihak Kerajaan berhubung perkara-perkara yang telah diketengahkan.

12. Justeru, pujian selayaknya diberikan kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana telah berhujah dan memberi pandangan dengan baik sekalipun kadangkala, suhu perbahasannya agak sedikit panas, namun masih dalam batas lunas peraturan dan undang-undang. Syabas dan terima kasih!

**SUNDANG DILIBAS BERKALI-KALI,  
HABIS TERKENA DAUNNYA LUMAT;  
ISU DIBAHAS JELAS SEKALI,  
SYABAS KEPADA SEMUA YANG BERHORMAT.**

13. Saya percaya, dengan hujahan Ahli-ahli Yang Berhormat, akan memberi impak yang berkesan dan akan dirasai manfaatnya oleh seluruh rakyat Negeri Melaka.

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

## **SENARIO EKONOMI DUNIA, MALAYSIA DAN MELAKA**

14. **Menyentuh tentang senario ekonomi dunia, Malaysia dan Melaka, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Forum Ekonomi Dunia (WEF)** pada Januari lepas mengunjurkan bahawa tahun 2024 akan kekal sebagai tempoh yang mencabar dalam aspek pembangunan ekonomi. Ekonomi dunia diunjurkan sederhana kepada **3.2 peratus** pada 2024.
15. **Pihak IMF turut meramalkan ekonomi Malaysia bagi tahun 2024** akan **berkembang pada kadar yang sederhana** iaitu pada paras **4.4 peratus**.
16. Meskipun pada persekitaran luaran yang mencabar, Keluaran Dalam Negara Kasar negeri Melaka bagi tahun 2023 telah mencatatkan rekod sebanyak **46.9 bilion ringgit** dimana kadar pertumbuhannya berkembang dengan kadar sederhana iaitu **3.0 peratus** berbanding **8.6 peratus** pada tahun sebelumnya.

17. Oleh yang demikian, bagi memastikan ekonomi negeri Melaka terus berkembang dengan baik, Kerajaan Negeri berpegang teguh kepada mandat rakyat dan komited memastikan pertumbuhan ekonomi serta agenda mensejahterakan rakyat diberi perhatian sepenuhnya. Antaranya;
18. **Pertama: MEMBANGUNKAN MELAKA SEBAGAI HAB PENDIDIKAN TERSOHOR DAN PUSAT KECEMERLANGAN TVET.**
19. Terkini, satu unit khas di bawah seliaan MCORP telah ditubuhkan bagi tujuan penyelarasan program-program TVET di negeri Melaka serta penubuhan **Melaka Centre of Excellence (MCOE)**. **Kerajaan negeri percaya**, TVET berpotensi tinggi melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang profesional dan berkemahiran tinggi seiring dengan negara-negara maju.
20. Baru-baru ini, Kerajaan Negeri Melaka telah membelanjakan sebanyak **RM327,600** bagi mengangkat kejayaan **416 orang pelajar** yang telah **melakar keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM dan STAM 2023** serta **600 orang pelajar** di bawah inisiatif Bijak Sejarah.

21. **Bukan itu sahaja, saya telah pun mengumumkan pemberian insentif sebanyak RM100 untuk memberi peluang kepada 40 orang pelajar daripada setiap sekolah di seluruh Negeri Melaka untuk mengunjungi Pameran Hang Tuah untuk dijadikan inspirasi mengenai kehebatan Hang Tuah yang telah mengembara ke 14 buah negara sehingga megahnya nama Melaka suatu ketika dahulu.**
22. Ini adalah manifestasi keprihatinan kerajaan negeri dalam memperkasa sektor Pendidikan negeri Melaka.
23. **Kedua: MERANCAKKAN AKTIVITI PELABURAN DI MELAKA.**
24. Sehingga Mac 2024, Negeri Melaka mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak **RM2.38 bilion**. Kerajaan negeri terus memburu pelabur-pelabur untuk menambah baik ekosistem pelaburan di Melaka.

25. Berkait itu, hasil lawatan kerja rasmi ke China baru-baru ini, satu syarikat semikonduktor yang ke-7 terbesar di dunia bakal meluaskan operasinya ke Melaka pada tahun ini dengan anggaran nilai pelaburan sebanyak **RM2.4 bilion** sekali gus menawarkan lebih 3,000 peluang pekerjaan.
26. **Ketiga: MEMPERKUKUH EKONOMI RAKYAT.**
27. Dalam mendepani kancah ekonomi dunia yang tidak menentu, kerajaan negeri prihatin terhadap ekonomi rakyat dan mengambil inisiatif untuk terus membantu khususnya golongan usahawan dan peniaga. Antaranya melalui:
- **Pertama:** Inisiatif **Program Mula Niaga** dengan peruntukan **RM3,000 seorang akan memberi manfaat kepada 67 orang usahawan dengan nilai implikasi kewangan keseluruhannya berjumlah RM200 ribu;**

- **Kedua: Bantuan am perniagaan (modal dan peralatan), kursus atau bengkel pengurusan perniagaan serta program bimbingan dan pemantauan keusahawanan di bawah Majlis Agama Islam Melaka; dan**
  - **Ketiga: Perkhidmatan pinjaman atau pembiayaan oleh agensi seperti TEKUN, Bank Simpanan Nasional dan lain-lain institusi yang terlibat.**
28. Besar harapan saya semoga usaha-usaha yang dilaksanakan ini dapat membantu para usahawan dan peniaga-peniaga meningkatkan pendapatan di samping menyumbang kepada ekonomi negeri ke arah lebih lestari.
29. **Terakhir: MEMPERHEBAT SEKTOR PELANCONGAN.**
30. **Saya lihat, persidangan kali ini hangat membahaskan tentang pelantikan duta setiakawan pelancongan Melaka iaitu Fan Bing-Bing sehingga menjadi topik utama di akhbar-akhbar dan media sosial.**

31. **Ahli-ahli Yang Berhormat perlu bijak menilai usaha kerajaan negeri dalam menggunakan peluang yang ada bagi menggamt pelancong ke Melaka.**
32. Malahan, dengan kos persiapan yang minimum **telah memberi impak positif kepada Kerajaan Negeri sehingga mencatatkan lebih 1 bilion carian nama “Fan Bingbing” dan “Melaka” di aplikasi WeChat China sekali gus dapat mempromosikan pelancongan Melaka kepada lebih daripada 65 juta pengikutnya. **LOW INVESTMENT, HIGH IMPACT.****
33. **Sebagaimana semua sedia maklum, selain Melaka, Perlis, Perak dan Kelantan juga menganjurkan Tahun Melawat negeri masing-masing. Di sini, berdasarkan data-data pelancong, kita dapat membuat perbandingan statistik kehadiran pelancong dengan Kelantan memandangkan hanya negeri Kelantan sahaja mengeluarkan data pelancongan terkini.**

34. **Alhamdulillah, sehingga Jun 2024, berkat usaha semua pihak bersempena dengan Tahun Melawat Melaka 2024, Kerajaan Negeri Melaka telah berjaya menerima 7.7 juta kehadiran pelancong di Melaka berbanding Tahun Melawat Kelantan 2024 yang mencatatkan sehingga kini, mereka menerima 700,000 kehadiran pelancong.**
35. **Ini bermakna, pencapaian Kelantan tidak sampai 10 peratus daripada apa yang Melaka telah capai. Ini jelas menunjukkan manifestasi kebijaksanaan kita di Melaka dalam merangka program dan promosi menghebahkan keunikan negeri kita yang tercinta ini. Syabas saya ucapkan kepada semua pihak yang sama-sama membantu memperhebat sektor pelancong Melaka!**
36. **Berdasarkan statistik kehadiran pelancong asing, pelancong China direkodkan jumlah kehadiran yang tertinggi iaitu 34.88 peratus diikuti Singapura 16.63 peratus dan Indonesia 14.26 peratus.**

- 37. Berdasarkan kenyataan Ketua Pengarah Tourism Malaysia, KLIA menerima kedatangan 438 penerbangan dari China setiap minggu. Mengikut statistik suku tahun pertama 2024, Malaysia menerima 960 ribu pelancong dari China dimana 60 peratus daripadanya melancong ke Melaka.**
- 38. Kehadiran pelancong China ke Malaysia dijangka meningkat pada bulan Julai, iaitu lebih 330 ribu ke 350 ribu orang sebulan. Dengan pengiraan purata 60 peratus melawat Melaka, dijangka Melaka akan menerima lebih 200 ribu pelancong China dalam bulan Julai ini.**
- 39. Saya yakin, usaha ini bakal menggamit lebih ramai pelancong membanjiri kota Melaka sekali gus meningkatkan hasil ekonomi kerajaan negeri serta memposisikan kedudukan Melaka sebagai sebuah negeri pelancongan yang terunggul di mata dunia.**

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

40. Di kesempatan ini, saya menyeru kepada semua Ahli Yang Berhormat serta seluruh rakyat Melaka untuk menyertai **APLIKASI TELEGRAM RASMI KERAJAAN NEGERI MELAKA MELALUI MY MELAKA NEWS** kerana disitulah wadah penyampaian hebahan kerajaan negeri kepada rakyat.
41. **Kerajaan Negeri Melaka melalui Perkeso bakal menganjurkan Karnival Kerjaya pada 13 hingga 14 Julai ini bertempat di MITC Melaka. Saya mengajak semua rakyat Melaka khususnya anak-anak muda manfaatkan peluang ini untuk mendapatkan pekerjaan.**
42. Akhir kalam, marilah kita bersama-sama bekerja untuk membangunkan negeri Melaka tercinta ini. Kita jaga negeri kita, kita jaga rakyat kita, kita jaga perpaduan sesama kita.

**Sekian, Terima Kasih.**

**-TAMAT-**